

22/07/2001

Kerajaan tidak bimbang tanggapan negatif

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak terlalu bimbang dengan tanggapan negatif pengurus dana asing terhadap tindakan melaksanakan beberapa program penyusunan semula korporat pada masa ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apa yang lebih membimbangkan kerajaan jika negara terpaksa meminta-minta bantuan orang lain dalam menguruskan ekonomi negara," kata Perdana Menteri selepas merasmikan kenderaan MPV Juara, model terbaru Proton, di Kuala Lumpur Citu Centre (KLCC), di sini, semalam.

Ketika diminta mengulas mengenai langkah Moody's Investors Service menaikkan gred penarafan Petronas kepada Baa1 daripada Baa2, lebih tinggi berbanding had tertinggi kedaulatan Malaysia, beliau berkata:

"Badan penarafan itu boleh melakukan apa saja yang mereka suka, termasuk menurunkan gred penarafan syarikat milik negara.

"Tetapi apa yang penting kita akan memastikan ekonomi negara ini dikendalikan dengan baik," katanya.

Mengenai penurunan mata wang yen Jepun berbanding dolar Amerika ketika ini, Dr Mahathir berkata, dengan ringgit ditambatkan pada kedudukan RM3.80 berbanding satu dolar Amerika, import Jepun akan menjadi lebih murah.

(END)